

MB: Ahli2 Umno jangan terlalu mengikut nafsu

MENTERI Besar Perak, Encik Ramli Ngah Talib, mengingatkan ahli-ahli Umno jangan terlalu mengikut nafsu apabila diberi kepercayaan memegang satu-satu jawatan dalam parti.

Katanya, walaupun mereka mudah merebut jawatan itu tetapi mereka tidak harus bermegah, kerana mereka masih menghadapi cabaran yang harus ditempuhi.

Cabaran

Katanya lagi, Walaupun mereka itu diberi kuasa di dalam parti tetapi ini tidak bererti mereka boleh bertindak dan berbuat sesuka hati tanpa mengambil kira kesan yang akan dihadapinya.

Encik Ramli berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bacuk, di Dewan Majlis Daerah Bacuk, di sini, hari ini.

Katanya, "Kita tidak harus mengikut nafsu apabila kita mencapai kemenangan sehingga 99 peratus di dalam parti, walaupun itu adalah keputusan muktamad dalam satu-satu pemilihan jawatan dalam parti.

"Mereka juga harus sedar bahawa jawatan yang disandangnya hari ini bukanlah haknya, tetapi hak ahli-ahli Umno semua yang boleh berubah mengikut tradisi dalam perlembagaan Umno," tambahnya.

Menteri Besar itu juga mengingatkan ahli-ahli Umno jangan terlalu melayani tindak-tanduk parti lawan yang tidak mendatangkan faedah, kerana ia boleh memerangkap mereka.

"Sebagai parti pemerintah, kita jangan terlalu mengikut rentak dan irama yang diamalkan oleh parti lawan itu.

BACUK, Jumaat

"Jika kita lalai, kita akan terperangkap dengan tindak-tanduk parti lawan itu," ujarnya.

Contohnya, kata beliau, kerajaan sentiasa menghadapi cabaran akibat dari tumahan-tumahan parti lawan mengenai halal dan haram sesuatu rancangan yang dijalankan.

"Yang penting ahli-ahli Umno hendaklah melupakan segala tindak-tanduk parti lawan itu, kerana itu mainan politik semata-mata," ujarnya.

Encik Ramli mahu setiap ahli Umno mengubah sikap dan pendirian dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa, terutama dari parti lawan kerana ini boleh menjamin keutuhan masa depan Umno sendiri.

Pemilihan

Terdahulu dari itu, Ketua Umno Bahagian Bacuk, Haji Ahmad Shahiuddin Haji Mohd Noor menyeru ahli-ahli Umno bahagiannya, meningkatkan usaha bagi merebut kembali tiga kerusi, termasuk satu kerusi Parlimen Bacuk dan kerusi-kerusi Dewan Negeri Tawang dan Perupok yang dimenangi Pas.

Beliau berkata, kemunculan parti baru 'Hizbulmuslimin' tidak banyak menjejaskan pengaruh Pas di kawasan-kawasan kerusi Parlimen dan Negeri itu.

Kata Haji Shahibuddin, satu seminar pembangunan Bacuk akan diadakan di sini, awal tahun depan anjuran Umno Bahagiannya.

"Kami akan meninjau bagi mencari jalan memajukan jajahan yang mempunyai perkampungan nelayan.